



**JABATAN PERDANA MENTERI
LEMBAGA PENASIHAT**

**GARIS PANDUAN MEMBUAT REPRESENTASI ATAU
RAYUAN DI HADAPAN LEMBAGA PENASIHAT**

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	TUJUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	FUNGSI DAN PERANAN LEMBAGA PENASIHAT DI BAWAH UNDANG-UNDANG BERKAITAN	4
4.	TATACARA MEMBUAT REPRESENTASI ATAU RAYUAN DI HADAPAN LEMBAGA PENASIHAT BAGI ORANG TAHANAN (OT)	6
5.	TATACARA MEMBUAT RAYUAN ATAU MENJADI SAKSI DI HADAPAN LEMBAGA PENASIHAT BAGI WAKIL ATAU KELUARGA ORANG TAHANAN (OT)	8

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan tatacara membuat representasi atau rayuan di hadapan Lembaga Penasihat (LP), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 LP ditubuhkan berdasarkan peruntukan Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perkara ini diperkenalkan sebagai sebahagian daripada pindaan Perlembagaan pada tahun 1960, bersempena dengan penggubalan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Akta ini digubal sebagai langkah untuk menangani ancaman komunis dan keganasan yang melanda Tanah Melayu (kini Malaysia) pada masa itu, terutamanya semasa Darurat Tanah Melayu (1948-1960). Sebelum itu, Lembaga Penasihat dikenali sebagai "*Committee Review*" yang ditubuhkan menurut Ordinan Darurat 1948 atau *Emergency Regulation 1948*.
- 2.2 Sejak penubuhannya pada tahun 1960, LP telah melalui beberapa perubahan dan penambahbaikan. Pada peringkat awal, LP beroperasi di bawah ISA 1960, yang memberikan kuasa kepada Kerajaan untuk menahan individu yang dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara tanpa perbicaraan.
- 2.3 Walau bagaimanapun, dengan berakhirnya Darurat Tanah Melayu pada tahun 1960, peranan LP terus relevan kerana ancaman keselamatan dalam negeri masih wujud, terutamanya daripada aktiviti subversif dan keganasan. LP terus berfungsi sebagai mekanisme untuk memastikan bahawa penahanan pencegahan dilaksanakan dengan adil dan berpatutan. Pada tahun 2012, ISA telah dimansuhkan. Walaupun ISA telah dimansuhkan, konsep LP masih dikekalkan dalam beberapa undang-undang lain yang membenarkan penahanan pencegahan

3. FUNGSI DAN PERANAN LEMBAGA PENASIHAT DI BAWAH UNDANG-UNDANG BERKAITAN

- 3.1 LP merupakan satu institusi penting dalam sistem perundangan Malaysia, khususnya dalam konteks penahanan pencegahan. LP merupakan sebuah badan kuasi-kehakiman (*quasi-judicial*) yang ditubuhkan berdasarkan peruntukan Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, yang memberikan hak kepada orang yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan untuk membuat representasi atau rayuan terhadap penahanan mereka.
- 3.2 Terdapat **tiga (3) undang-undang** yang membenarkan penahanan seseorang itu boleh dibuat dengan tujuan untuk pencegahan di bawah bidang kuasa LP iaitu:
- (a) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [ADB-LLPK] (Akta 316);
 - (b) Akta Pencegahan Jenayah 1959 [POCA] (Akta 297); dan
 - (c) Akta Pencegahan Keganasan 2015 [POTA] (Akta 769).
- 3.3 LP juga berfungsi dalam melaksanakan tugas-tugasnya dengan merujuk dan mengaplikasikan kaedah atau peraturan berikut:
- (a) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987.
 - (b) Peraturan–Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014; dan
 - (c) Peraturan-Peraturan Pencegahan Keganasan (Tatacara Lembaga Penasihat) 2015.

3.4 Fungsi dan tanggungjawab LP.

(a) Mendengar Representasi Orang Tahanan (OT)

Salah satu fungsi utama LP adalah untuk mendengar representasi atau rayuan yang dikemukakan oleh OT. OT berhak untuk hadir secara sendiri atau diwakili oleh peguam belanya. Proses ini dijalankan secara tertutup (*in camera*) bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan maklumat.

(b) Membuat Syor kepada Yang di-Pertuan Agong

Setelah mendengar representasi OT, LP akan membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong sama ada penahanan tersebut perlu diteruskan, digantung untuk menjalani sekatan atau dihentikan. Syor ini mesti dibuat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan representasi oleh LP, melainkan tempoh tersebut dilanjutkan dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong.

(c) Kajian Semula Kes Tahanan

LP juga bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian semula terhadap kes-kes tahanan dan sekatan. Kajian semula ini melibatkan pertimbangan terhadap laporan temuduga oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), laporan pemulihan akhlak dari Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) dan rekod sabitan lampau OT atau Orang Sekatan. Kajian semula ini bertujuan untuk memastikan bahawa penahanan atau sekatan yang dikenakan masih relevan dan berasas.

4. TATACARA MEMBUAT REPRESENTASI ATAU RAYUAN DI HADAPAN LEMBAGA PENASIHAT BAGI ORANG TAHANAN (OT)

4.1 Di bawah undang-undang pencegahan, jika OT dibawa ke tempat tahanan mengikut suatu Perintah Tahanan (PT), Pegawai Penjaga tempat tahanan **hendaklah dengan seberapa segera yang praktik** untuk:

- (a) memberitahu OT akan haknya untuk membuat representasi atau rayuan terhadap PTnya; dan
- (b) memberi tiga (3) salinan Borang I atau Borang 1 (Representasi Berkaitan Dengan Perintah Tahanan) serta mendapatkan akuterima mengenai penerimaannya.

(**Nota:** Borang I adalah bagi kes ADB (LLPK) 1985. Manakala, Borang 1 adalah bagi kes APJ 1959 atau APK 2015)

4.2 Seterusnya, tatacara OT yang ingin membuat representasi atau rayuan.

- (a) OT hendaklah mengisi tiga (3) salinan Borang I atau Borang 1.

(**Nota:** Borang 1 diisi dalam tempoh empat belas (14) hari selepas ketibaan OT di tempat tahanan)

- (b) OT boleh menyatakan alasan bantahan terhadap PTnya atau sebab mengapa penahanan itu patut dihentikan dan ianya hendaklah diberikan dalam Borang I atau Borang 1. Jika Borang I atau Borang 1 itu tidak mencukupi untuk mengandungi alasan dan sebab itu, ia boleh ditulis di atas helaian kertas yang berasingan dan hendaklah **dikepilkkan sebagai suatu lampiran** kepada Borang I atau Borang 1.

- (c) OT hendaklah menyatakan dalam Borang I atau Borang 1, sama ada OT bercadang untuk hadir secara sendiri atau dengan peguam belanya atau dengan diwakili oleh peguam belanya di hadapan LP.
- (d) Dua (2) salinan Borang I atau Borang 1 yang telah diisi dan ditandatangani dengan sempurna oleh OT, hendaklah dihantar oleh Pegawai Penjaga Daerah Polis atau Pegawai Penjaga kepada Setiausaha LP **dengan serta-merta**.
- (e) OT boleh membuat representasi atau rayuan terhadap PTnya secara bertulis. Pegawai Penjaga hendaklah menghantar apa-apa representasi atau rayuan bertulis yang diterimanya daripada OT kepada Setiausaha LP.
- (f) Apabila apa-apa representasi atau rayuan diterima oleh Setiausaha LP, Pengerusi LP hendaklah menetapkan suatu tarikh, masa dan tempat bagi pendengaran representasi dipertimbangkan oleh LP melalui suatu notis Borang II atau Borang 2 (Notis Pendengaran Representasi) dan hendaklah notis itu disampaikan kepada OT atau peguam belanya (jika ada).

(**Nota:** Borang II adalah bagi kes ADB (LLPK) 1985. Manakala, Borang 2 adalah bagi kes APJ 1959 atau APK 2015)

- (g) LP hendaklah mengarahkan OT untuk dikemukakan di hadapannya dengan menyampaikan suatu notis Borang 3 (Notis Untuk Mengemukakan Orang Tahanan) kepada Pegawai Penjaga.

(**Nota:** Borang 3 hanya terpakai kepada OT yang ditahan di suatu tempat tahanan bagi kes APJ 1959 atau APK 2015 sahaja)

- (h) OT boleh hadir di hadapan LP sama ada secara sendiri atau bersama peguam belanya atau diwakili oleh peguam belanya pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh Pengerusi LP.

- (i) OT atau peguam belanya, mengikut mana yang berkenaan, boleh menyampaikan kata-kata kepada LP secara lisan untuk menguatkan atau meluaskan alasan atau sebab yang diberikan dalam Borang I atau Borang 1.

4.3 Jika OT tidak mengisi Borang I atau Borang 1.

- (a) Pegawai Penjaga hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada OT bahawa OT tidak hendak membuat apa-apa representasi atau rayuan terhadap PTnya dan Pegawai Penjaga hendaklah menghantar **pengesahan bertulis** kepada Setiausaha LP.

4.4 Jika OT enggan menerima penyampaian apa-apa dokumen yang hendak disampaikan kepadanya di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan ini.

- (a) Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana PT itu disampaikan atau Pegawai Penjaga di mana Borang I atau Borang 1 disampaikan, hendaklah **secara bertulis** memberitahu Setiausaha LP **dengan serta-merta** mengenai keengganan OT itu.

5. TATACARA MEMBUAT RAYUAN ATAU MENJADI SAKSI DI HADAPAN LEMBAGA PENASIHAT BAGI WAKIL ATAU KELUARGA ORANG TAHANAN (OT)

5.1 Sekiranya pendengaran representasi bagi Orang Tahanan itu **masih belum didengar** di hadapan LP.

- (a) Wakil atau keluarga OT boleh hadir memberi keterangan atau membuat rayuan di hadapan LP semasa tarikh pendengaran representasi yang ditetapkan.

- (b) Tarikh, masa dan tempat bagi pendengaran representasi tersebut boleh dirujuk pada notis Borang II atau Borang 2 (Notis Pendengaran Representasi) yang disampaikan kepada OT.
- (c) Sekiranya, terdapat halangan bagi wakil atau keluarga OT untuk mendapatkan maklumat tarikh, masa dan tempat pendengaran representasi tersebut, wakil atau keluarga OT boleh mengemukakan permohonan **secara bertulis** kepada LP berserta dokumen berikut (sebagai bukti hubungan dengan OT):
 - i. salinan kad pengenalan atau passport; atau
 - ii. salinan sijil nikah (jika berkaitan); atau
 - iii. salinan surat beranak (jika berkaitan); atau
 - iv. surat pengesahan dari ketua kampung atau majikan (jika berkaitan).
- (d) Secara alternatifnya, wakil atau keluarga OT juga boleh memberi keterangan atau membuat rayuan secara bertulis dan dikemukakan kepada LP sebelum daripada tarikh pendengaran representasi yang telah ditetapkan.

5.2 Sekiranya Pendengaran Representasi bagi Orang Tahanan itu **telah selesai didengar** di hadapan LP

- (a) Wakil atau keluarga OT hendaklah mengemukakan rayuan tersebut **secara bertulis** kepada pihak **Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri**.

6. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan serta arahan semasa yang berkuat kuasa.

Jawatankuasa Dasar dan Pendigitalan

Lembaga Penasihat

Jabatan Perdana Menteri